

## KHUTBAH JUMAAT

### “KEBERSIHAN SUNGAI TANGGUNGJAWAB BERSAMA” (20 September 2024M/ 16 Rabiulawal 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ  
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Bersempena dengan program Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024, maka khatib akan

membicarakan khutbah yang bertajuk: “***Kebersihan Sungai Tanggungjawab Bersama***”.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Malaysia Madani merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan untuk menjadi sebuah negara yang makmur dan maju berteraskan 6 nilai atau prinsip Madani. Antara nilai teras Madani adalah Kemampanan dan Kesejahteraan.

Mengambil kira nilai ini, adalah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam untuk sentiasa menjaga sikap dan perbuatan kita terhadap persekitaran termasuklah tanah, sumber air, udara dan semua hidupan dan tumbuh-tumbuhan yang menghiasi bumi. Air merupakan salah satu khazanah alam yang amat bernilai dan menjadi unsur paling penting dan diperlukan dalam kitaran kehidupan manusia dan keharmonian alam sekitar. Air yang bersih juga menjadi keperluan untuk kita dalam melaksanakan ibadat kepada Allah *subhanahu wata'ala* seperti berwuduk dan mandi.

Islam juga melarang umatnya daripada melakukan apa sahaja bentuk kerosakan di atas muka bumi termasuklah terhadap jiwa, harta benda dan alam sekitar. Bahkan umat Islam wajib mencontohi akhlak junjungan besar Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* dalam memastikan hubungan harmonis dengan alam sekitar sentiasa terpelihara. Berdasarkan kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bersifat sebagai rahmah bagi sekalian alam, maka apa sahaja kehidupan yang berlangsung di alam ini mesti dijaga dan

dipelihara serta diberikan hak kelangsungan hidup mereka masing-masing mengikut aturan *sunnatullah*.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai umat Islam di negara ini, kita hendaklah bersyukur kerana dikurniakan hujan tahunan yang tinggi. Mengikut laporan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, negara kita dianggarkan menerima purata hujan tahunan sekitar **3000 milimeter** atau **324 bilion meter padu** yang melebihi tiga kali ganda daripada curahan purata hujan global dunia. Kita juga mempunyai lebih daripada **189 lembangan sungai** yang besar meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sungai-sungai inilah yang menjadi sumber utama melengkapkan keperluan air bagi kehidupan seluruh rakyat di Malaysia. Begitulah Allah *subhanahu wata'ala* telah menganugerahkan kepada kita suatu kuantiti air yang cukup baik dan boleh didapati secara berterusan, demi menjamin kemampunan dan kelestarian pembangunan negara sejak bertahun-tahun lamanya.

Namun, akhir-akhir ini negara kita telah dikejutkan dengan insiden kekurangan bekalan air bersih akibat henti tugas sementara di loji rawatan air berikutan pencemaran sungai. Pencemaran yang berlaku di sungai-sungai di negara ini adalah sesuatu yang amat merugikan semua pihak. Walaupun ekosistem air tawar mempunyai keupayaan semula jadi untuk mengganti dan 'membersihkan' air yang tercemar, namun kadar pencemaran air yang semakin meningkat telah mengatasi keupayaan sistem semula jadi ini.

Terdapat segelintir masyarakat, pengusaha pasar dan pemilik kilang

yang tidak bertanggungjawab, masih lagi membuang sisa buangan, bahan dan sisa perkumuhan ke dalam sungai atau muara yang berdekatan. Pembuangan tidak terkawal ini dianggap mudah oleh mereka kerana tidak memerlukan sebarang kos perlupusan. Biasanya kerja yang tidak bermoral ini dilakukan di waktu malam agar tidak diketahui oleh pihak berkuasa.

Pemerhatian daripada beberapa jabatan kerajaan yang prihatin dengan kebersihan alam sekitar, mendapati bahawa masih ada individu atau kumpulan tertentu, yang sewenang-wenangnya menggunakan sungai sebagai 'tong sampah". Sukar untuk kita bayangkan bagaimana minda seseorang yang waras, yang amat membenci kekotoran berada di tempat mereka, tetapi pada masa yang sama sanggup pula membuang kekotoran tersebut di persekitaran dan kediaman orang lain. Ingatlah, sifat seorang muslim yang baik itu ialah seseorang yang sentiasa menjaga tangan dan anggotanya daripada melakukan perbuatan yang mengganggu, merosak dan memudaratkan persekitaran dan manusia lain.

Sungai yang kotor ini boleh menjadi tempat pembiakan pelbagai mikro-organisma berbahaya dan boleh menyebabkan wabak dan penyebaran penyakit berjangkit dan akhirnya memudaratkan kita sendiri serta flora dan fauna.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Maju, adalah sukar diterima bahawa kita masih memiliki sungai-sungai yang sarat dengan pencemaran. Pihak kerajaan sentiasa berusaha

untuk memulihkan semula sungai yang tercemar walaupun terpaksa berbelanja jutaan ringgit. Program-program kesedaran juga sentiasa dilaksanakan untuk memperbaiki sikap masyarakat melalui kempen, slogan, dan ceramah oleh jabatan kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan dan lain lain agensi kerajaan.

Media massa dan media elektronik turut sama berperanan untuk mempromosikan kesedaran orang ramai berkaitan kepentingan pemeliharaan sumber air. Penganjuran kempen-kempen melalui akhbar, radio, televisyen dan lain-lain, diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk bersama-sama menyayangi sumber air dan alam sekitar yang bersih.

Selain itu, kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia juga melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai-Sungai Bersepadu (Integrated River Basin Management, IRBM). Ini merupakan kaedah terbaik, namun memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mencapai objektifnya iaitu;

1. Memastikan air yang mencukupi;
2. Memastikan air yang bersih;
3. Mengurangkan risiko banjir; dan
4. Meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai pengguna, kita hendaklah membantu kerajaan dalam penjagaan sumber air ini. Antara tindakan yang boleh dilakukan adalah dengan mengamalkan sikap lebih bertanggungjawab dan

lebih sensitif dengan penjagaan alam sekitar dan sumber air. Kita boleh menjadi agen penyampai maklumat dalam membantu pihak berkuasa menjaga sungai dengan melaporkan sebarang aktiviti di kawasan kita yang boleh menyumbang kepada pencemaran. Sebabnya, individu-individu yang tidak bertanggungjawab yang melakukan pencemaran sebenarnya telah melakukan kesalahan dan kemungkaran kerana tindakan tidak bermoral mereka boleh mengundang kesusahan kepada masyarakat kelak.

Kesimpulannya, sebagai insan yang prihatin dan menghargai kebersihan, kita tidak sepatutnya mementingkan diri sendiri, sebaliknya kita perlu menyokong segala usaha dan aktiviti yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Kita harus sedar bahawa sumber air yang sedang kita nikmati ini adalah suatu anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang bersifat sementara sahaja. Apabila kita bersyukur, mengutamakan kebersihan dalam semua keadaan dan terus melaksanakan amal perbuatan selari dengan kehendak Allah *subhanahu wata'ala*, maka Allah *subhanahu wata'ala* mengembalikan semua ketaatan tersebut dalam suatu bentuk 'kesejahteraan atau persekitaran yang harmoni. Yang pasti, 'keberkatan' akan terzhahir sebagai suatu pengurniaan daripada Allah *subhanahu wata'ala* kepada mereka yang taat dan sarat dengan nilai keimanan serta ketakwaan.

Justeru, mimbar ingin mengingatkan bahawa segala nikmat ini tidak mustahil boleh ditarik balik oleh Allah *subhanahu wata'ala* sekiranya umat Islam tidak mensyukuri dan menghargainya. Firman Allah

*subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Mukminun, ayat 18:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِ  
لَقَادِرُونَ (١٨)

**Maksudnya:** *Dan Kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan tertentu, serta Kami tempatkan akannya di bumi; dan sesungguhnya Kami berkuasa pula melenyapkannya.*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

**Pertama** : Air merupakan salah satu khazanah alam yang amat bernilai dan menjadi unsur paling penting dan diperlukan dalam kitaran kehidupan manusia dan keharmonian alam sekitar.

**Kedua** : Umat Islam di negara ini hendaklah bersyukur kerana dikurniakan hujan tahunan yang tinggi yang menjamin kemampuan dan kelestarian pembangunan negara sejak bertahun-tahun lamanya.

**Ketiga** : Kita bertanggungjawab membantu kerajaan dalam penjagaan sumber air ini dengan mengamalkan sikap lebih bertanggungjawab dan sensitif dengan penjagaan alam sekitar dan sumber air serta melaporkan sebarang aktiviti di kawasan kita yang boleh menyumbang kepada pencemaran.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah ar-Rum, ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ  
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ (٤١)

**Maksudnya:** *Telah timbul berbagai kerusakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.